

TARIKH	AGENSI	SUBJEK	MEDIA	TAJUK	MUKA SURAT
22/9/2022	KKM	Hospital Mesra Ibadah	Utusan Borneo (Sarawak)	10 hospital KKM diiktiraf sebagai Hospital Mesra Ibadah	14



**PENGIKTIRAFAN:** Dr Noor Azmi (kanan) menyampaikan sijil pengiktirafan Hospital Mesra Ibadah kepada Amiruzie (kiri) selepas merasmikan Konvensyen Hospital Mesra Ibadah Peringkat Kebangsaan 2022 di Kompleks Islam Putrajaya, dekat Putrajaya semalam. Turut sama Hakimah.

— Gambar Bernama

## 10 hospital KKM diiktiraf sebagai Hospital Mesra Ibadah

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 10 hospital di bawah Kementerian Kesihatan (KKM) semalam menerima pengiktirafan sebagai Hospital Mesra Ibadah (HMI) kerana menyediakan fasiliti serta khidmat bimbingan untuk pesakit menunaikan ibadah ketika menerima rawatan.

Hospital berkenaan ialah Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu; Hospital Serdang dan Hospital Shah Alam di Selangor; Hospital Taiping dan Hospital Teluk Intan di Perak.

Turut menerima pengiktirafan ialah Hospital Sultanah Bahiyah di Kedah; Hospital Pulau Pinang; Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat dan Hospital Pontian, Johor serta Institut Kanser Negara di Putrajaya.

Sijil pengiktirafan HMI disampaikan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk

Dr Noor Azmi Ghazali kepada wakil-wakil hospital pada Konvokesyen HMI peringkat Kebangsaan 2022 di sini semalam, yang turut dihadiri Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Datuk Hakimah Mohd Yusoff.

Ditemui pemberita selepas majlis itu, Dr Noor Azmi berkata HMI ialah program kerjasama KKM dan JAKIM bagi memenuhi keperluan spiritual pesakit semasa mendapat rawatan di fasiliti kesihatan melalui pelaksanaan ibadah.

“Melalui program ini, pihak hospital beri kemudahan tunaikan solat, beri motivasi kepada pesakit malah mengajar bagaimana berwuduk dan solat bagi orang yang sakit. Ini penting kerana solat itu satu ibadah,” katanya.

Ditanya adakah HMI akan diperluaskan ke hos-

pital swasta, beliau berkata pihaknya membuka ruang dan peluang untuk hospital swasta turut sama mengaplikasi HMI di tempat masing-masing.

“(Program ini) secara sukarela, kalau boleh memang kita ingin semua hospital terapkan HMI...buat masa ini, hasratnya adalah untuk perkasakan HMI di hospital kerajaan,” katanya.

Audit pengiktirafan standard HMI dilaksanakan barisan pegawai dilatih oleh sekretariat HMI serta standard yang dibangunkan oleh KKM dan JAKIM.

Standard HMI mengandungi enam teras utama iaitu organisasi dan pengurusan; pembangunan dan pengurusan sumber manusia; polisi dan prosedur; peralatan dan kemudahan; aktiviti keselamatan dan peningkatan kualiti serta kerjasama agensi luar. — Bernama

TARIKH	AGENSI	SUBJEK	MEDIA	TAJUK	MUKA SURAT
26/10/2024	KKM	Kanser	Utusan Borneo (Sarawak)	IKN lancar galeri inspirasi seni, beri semangat kepada pesakit kanser	



PELANCARAN: Nori Abdullah bergambar di Galeri Inspirasi Seni Institut Kanser Negara pada majlis perasmian Galeri Inspirasi Seni IKN di Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

## IKN lancar galeri inspirasi seni, beri semangat kepada pesakit kanser

**PUTRAJAYA:** Institut Kanser Negara (IKN) semalam melancarkan Galeri Inspirasi Seni IKN buat julung kalinya dengan kerjasama Novartis Malaysia, bagi meraikan kekuatan dan kemandirian pesakit kanser dalam mengharungi penyakit berkenaan.

Bertemakan ‘Senyuman dan Harapan’, Pengarah IKN Dr Mohd Anis Haron berkata galeri seni itu dilihat, sebagai satu platform untuk pesakit kanser memberi inspirasi kepada pesakit lain, dengan berkongsi pengalaman mereka melawan penyakit itu melalui seni mewarna.

“Idea ini tercetus daripada salah seorang pakar kami iaitu bekas Pengerusi Persatuan Pendidikan Perubatan IKN Dr Noraini Ab Rahim pada

tahun 2019, sewaktu beliau di luar negara kaedah seni ini dilihat satu terapi membantu pesakit kanser, dalam menghadapi penyakit terbabit.

“Saya pun bersetuju dengan cadangan ini, kerana percaya kaedah rawatan dalam mengharungi penyakit ada bermacam-macam cara, dan seni juga merupakan salah satu kaedah,” katanya pada majlis perasmian Galeri Inspirasi Seni IKN oleh Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia Nori Abdullah di sini semalam.

Kira-kira lebih 10 lukisan hasil daripada pesakit kanser, pekerja IKN dan beberapa pelukis luar dipamerkan di galeri itu.

Dr Mohd Anis berharap dengan adanya platform berkenaan, ia akan dapat

membantu para pesakit merawat dan ‘mengalirkan’ segala tekanan dan rasa sakit mereka, melalui penghasilan karya mewarna itu.

Sementara itu, Presiden Novartis Malaysia dan Brunei, Elwaki Mohamed berkata kerjasama itu penting bagi meningkatkan kesedaran khususnya pesakit kanser payudara, mengenai saringan awal dan terapi inovatif yang mampu meningkatkan kualiti hidup.

“Walaupun terdapat kelaziman kanser payudara di Malaysia, pemahaman tentang perkara ini masih rendah, saya berharap inisiatif bersama Novartis Malaysia ini akan dapat menghidupkan semula semangat pesakit, untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan yang betul,” katanya. — Bernama

TARIKH	AGENSI	SUBJEK	MEDIA	TAJUK	MUKA SURAT
27/10/2022	IKN	Kanser	Harian Metro	Terapi mewarna melawan kanser	11



NORI ketika bersama sebahagian karya ketika Pelancaran Galeri Inspirasi Seni IKN: Senyuman dan Harapan, di Institut Kanser Negara, Putrajaya.

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
am@hmetro.com.my

**Putrajaya**

**K**aedah rawatan pesakit kanser tidak hanya bergantung kepada ubat-ubatan malah ia juga boleh dilakukan melalui terapi seni mewarna.

Pengarah Institut Kanser Negara (IKN), Dr Mohd Anis Haron@Harun berkata, pihaknya mengambil inisiatif menyediakan lukisan untuk diwarnakan oleh pesakit kanser di institut berkenaan.

Katanya, aktiviti mewarna itu dapat mengurangkan atau mengalihkan fokus kesakitan atau tekanan dihadapi pesakit kanser.

"Idea ini dicetuskan bekas Pengerusi Persatuan Pendidikan Perubatan IKN (PP-PIKN), Dr Noraini Ab Rahim melalui Program Inspirasi Seni. Beliau ketika itu ke luar negara dan melihat aktiviti mewarna ini dijadikan sebagai terapi kepada pesakit kanser.

"Bila idea itu dibawa ke Malaysia, kita bersetuju un-

# Terapi mewarna melawan kanser

*Aktiviti dapat kurang atau alih fokus kesakitan serta tekanan dihadapi pesakit barah*

tuk berikan lukisan berkenaan untuk diwarnakan pesakit kerana berpendapat ada banyak cara untuk sembuhan penyakit ini. Ia bukan hanya bergantung pada ubat malah seni juga adalah antara terapi.

"Sebenarnya ada banyak lagi terapi yang mampu mengurangkan rasa sakit me-

reka antaranya menyanyi dan menari. Tetapi di IKN kita lebih menjurus ke arah seni lukis," katanya selepas majlis Pelancaran Galeri Inspirasi Seni IKN: Senyuman dan Harapan, di sini, semalam.

Galeri Seni itu dilancarkan oleh Pengerusi Yayasan Budi Penyayang Malaysia, Nori



Sebenarnya ada banyak terapi yang mampu kurangkan rasa sakit mereka antaranya menyanyi dan menari. Tetapi di IKN kita lebih menjurus ke arah seni lukis"

**Dr Mohd Anis**

Abdullah. Hadir sama dalam majlis berkenaan ialah Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan (KKM), Datuk Harjeet Singh Hardev Singh.

Dalam pada itu, Dr Mohd Anis berharap, idea berkenaan dapat dikembangkan di pusat perubatan kanser yang lain di negara ini sebagai satu terapi untuk merawat pesakit yang sedang menjalani rawatan.

"Sebanyak 30 potret lukisan berjaya dikumpulkan untuk dipamerkan dalam galeri ini, namun, tidak semua lukisan yang diberikan sempat disiapkan oleh pesakit kerana mereka sudah meninggal dunia," katanya.